



IKLAN JAWATAN KOSONG

1. Permohonan adalah dipelawa dari kalangan rakyat Negeri Johor yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan di Pejabat Tanah Daerah Kulai:

- (a) **Gelaran Jawatan** : **Pembantu Khidmat Am**
 (b) **Gred** : **H1**
 (c) **Kementerian/Jabatan** : **Pejabat Tanah Daerah Kulai**
 (d) **Kump. Perkhidmatan** : **Pelaksana**
 (e) **Klasifikasi Perkhidmatan** : **Pentadbiran dan Sokongan**
 (f) **Taraf Jawatan** : **Kontrak**
 (g) **Jadual Gaji** :

Gred Gaji	Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
H1	RM 1,500.00	RM 4,680.00	RM 100.00

- (h) **Elaun -Elaun**
- | | |
|---------------------------------|----------|
| Imbuhan Tetap Perkhidmatan Awam | RM115.00 |
| Imbuhan Tetap Perumahan | RM300.00 |
| Elaun Bantuan Sara Hidup (COLA) | RM300.00 |

- (i) **Kekosongan** : **2 Kekosongan**

(j) SYARAT LANTIKAN

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred H1: RM1,500.00); atau

- (ii) Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred H1: RM1,500.00); atau

- (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred H1: RM1,561.00); atau

- (iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred H1: RM1,622.00);

dan (v) Memenuhi syarat lantikan bagi keperluan khas (jika melaksanakan tugas atau mana-mana gabungan tugas seperti di perenggan 1(b)).

3. Syarat Lantikan Bagi Keperluan Khas (Pemanduan/ Pengendalian Kren/Pengendalian Dandang/Tugasan Menyelamat)

- i. Memiliki lesen memandu Kelas B2/B/DA/D/E2/E1/E/F/G/H/I yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali Lesen Memandu Percubaan (P)] dan berkebolehan memandu, mengendalikan dan menyenggara kenderaan berkenaan yang diliputi oleh tugas berkenaan; atau
 - ii. Bagi tugas pengendalian kren, calon perlu memiliki Sijil Pendaftaran
Orang Kompeten yang berkaitan daripada Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan; atau
 - iii. Bagi tugas memandu enjin sangkut/ motobot, calon perlu memiliki perakuan kekompetenan berkaitan daripada Jabatan Laut Malaysia; atau
- (ii) Bagi tugas pengendalian dandang, calon perlu memiliki sekurang-kurangnya Perakuan Kebolehan Drebar Enjin (Enjin Pembakaran Dalam) Gred 2 atau Perakuan Kebolehan Drebar Enjin (Dandang Stim/Enjin Stim) Gred 2 mengikut mana yang berkenaan yang dikeluarkan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan serta berkebolehan mengendalikan loji pembakaran dalam 40-100 kuasa kuda atau loji stim/dandang yang luas permukaan pembakarannya di bawah 100 kaki persegi mana yang berkenaan; atau
- (iii) Bagi tugas menyelamat, calon perlu memiliki Sijil Pertolongan Cemas dan berkebolehan berenang.

(k) Syarat Kelayakan Bahasa Melayu:

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat SPM/SVM atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(I) CARA PERMOHONAN DAN SYARAT-SYARAT

1. Permohonan jawatan adalah secara “**online**” dan pemohon boleh memohon di laman sesawang <https://jawatan.johor.gov.my/index.html>.
2. Pemohon dikehendaki mengisi maklumat dengan lengkap dan memuat naik dokumen sokongan semasa memohon jawatan. Permohonan yang tidak lengkap akan **DITOLAK**.

(m) TARIKH PERMOHONAN: 15 MEI 2025 HINGGA 28 MEI 2025

CATATAN

1. Hanya calon-calon yang layak setelah ditapis dan didapati sesuai sahaja akan dipanggil temuduga.
2. Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tiga (3) bulan dari tarikh iklan ditutup adalah dianggap sebagai **TIDAK BERJAYA**.
3. Segala perbelanjaan kerana menghadiri temuduga adalah tanggungjawab pemohon sendiri.